

# Kepincangan institusi keluarga wajar dibaiki

Oleh Humaira Sulaiman 27.2.07

**B**ERITA kematian anak kecil yang menjadi mangsa orang dewasa sungguh menyayat hati dan membawa kita merenung masa depan kanak-kanak lain yang seusia dengan mereka.

Sepatutnya kanak-kanak ini dikasihani, disayangi dan diberi perlindungan oleh ibu bapa mereka. Maksud hadis Rasulullah: 'Barang siapa yang tidak menyayangi maka dia tidak akan dikasihi'.

Tidak terjangkau oleh pemikiran kita bahawa orang dewasa mampu melakukan sesuatu yang boleh mengakibatkan mereka terkorban atau disakiti walaupun sudah lama dipelihara. Ke mana hilangnya kasih sayang? Ke mana hilangnya kewarasan? Ke mana hilangnya rasa takut kepada pembalasan Tuhan?

Adakah hanya kepentingan diri sendiri yang bermain pada fikiran mereka ini? Adakah dengan cara menyebabkan kematian kepada anak kecil ini, masalah yang dihadapi akan selesai? Ada juga yang membuang anak yang baru lahir lantaran ke-

untuk berfikir, tetapi tidak melakukan tanggungjawab masing-masing kerana kita mengambil pendekatan tidak apa ataupun pendekatan tidak mahu masuk campur hal rumah tangga orang.

Kita lebih seronok menonton rancangan hiburan di televisyen, membiarkan anak kita bermain bersama pengasuh, membiarkan kuliah agama dihadiri orang tua yang sudah hampir ajalnya, tidak mempedulikan, malah tidak mengenali jiran tetangga serta hanya memikirkan diri dan masa depan keluarga sendiri.

Kesilapan kita yang terbesar adalah kerana kita membenarkan kehidupan berterusan mengikut arus pembangunan tanpa menitikberatkan nilai agama, moral dan kemanusiaan. Masyarakat zaman ini, era ini, terlalu rakus mengejar kebendaan sehinggakan mengetepikan soal lebih utama dalam kehidupan manusia.

Masyarakat kini sudah terbalik, wanita keluar bekerja, lelaki pula mungkin berpelesenan ataupun memasang impian untuk berkereta besar, beristeri dua dan se-

bagainya. Kita harus kembali ke asal kejadian dan fitrah manusia itu sendiri, sekiranya kita mahu memastikan kejadian sama tidak akan berulang.

Kita sedia maklum bahawa bagi pasangan yang hendak berkahwin diwajibkan mengikuti kursus perkahwinan dan mereka didedahkan dengan asas tanggungjawab ibu dan bapa, suami dan isteri.

Sudah tentu mereka mengetahui membunuh adalah haram. Sudah tentu seorang isteri mengetahui bahawa suaminya berhak untuk berkahwin lebih daripada satu. Tetapi, bukan itu persoalannya di sini.

Adakah suaminya bersalah kerana menimbulkan tekanan kepada isterinya? Adakah isterinya saja yang bersalah? Adakah ibu tidak layak untuk menjadi seorang ibu? Tidakkah seorang yang beragama Islam itu sedar bahawa semua yang ada di dunia ini adalah pinjaman semata-mata?

Anak adalah amanah daripada Allah kepada hamba-Nya. Isteri dan anak adalah kegembiraan di dunia. Isteri wajib dididik oleh suami. Tugas isteri pula adalah men-

didik anak. Tetapi, bagaimana suami hendak mendidik isterinya dan bagaimana isteri hendak mendidik anaknya sekiranya suami dan isteri tidak berilmu?

Ilmu yang dimaksudkan di sini bukan setakat ilmu duniawi. Bukan cukup sekiranya isteri menghantar anak ke 'Smart Reader' untuk pandai bahasa Inggeris, ke 'Kumon' untuk pandai Matematik, ke 'International School' untuk belajar ke luar negara.

Tidak cukup sekiranya suami hanya menggajikan pembantu Indonesia untuk memudahkan kerja isteri. Isteri disuruh memakai tudung, berbaju besar, melahirkan anak dan pada zaman moden ini, harus keluar bekerja bagi menampung perbelanjaan keluarga sedangkan suami di pejabat terpikat dengan rakan sejawatan.

Pendapat kedua-dua pakar di atas adalah wajar. Tekanan hidup adalah punca utama kejadian di atas. Tetapi, jika kita benar-benar ingin mengupas persoalan di atas, isu utamanya ialah kepincangan di dalam institusi kekeluargaan.

sempitan hidup dan merogol anak sendiri sehingga ada juga sanggup membunuh anak sendiri.

Kenapa ini berlaku? Selama ini kita hanya mendengar kisah pembunuhan anak kecil yang tidak berdosa mungkin di kalangan komuniti lain, tetapi apabila ibu yang menjadi suspek utama dalam satu kes baru-baru ini dilaporkan membunuh disebabkan suaminya memberitahu bahawa dia berhasrat untuk berkahwin semula, seharusnya umat Islam Malaysia berasa terpukul dengan kejadian ini.

Media mendapatkan pendapat beberapa pakar berkenaan kejadian berkenaan. Dr P Sundramoorthy berpendapat, kerajaan harus memastikan universiti awam mempunyai dana untuk menawarkan ijazah di dalam bidang kaunseling dan psikiatri kerana kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai akses kepada kaunselor dan pakar psikiatri.

Pakar psikologi Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr Alvin Ng, berkata ibu bapa mempunyai tanggungjawab untuk memastikan keperluan keluarga dan sendiri dipenuhi. Apabila keperluan ini tidak dapat dipenuhi, mereka berasakan bahawa dunia mereka berakhir dan membunuh diri adalah jalan keluar bagi mereka.

Di dalam kesibukan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkempen 'Masyarakat Bermaruah Bermula Denganmu', 'Nur Bermula Denganmu', 'Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang', kita dikejutkan dengan keadaan ini.

Adakan ini satu kes terpencil? Mungkin tidak. Mungkin kita masih belum mendapatkan statistiknya. Tetapi, yang pasti apakah peranan kerajaan, institusi keluarga, masyarakat korporat, golongan ulama dan golongan terpelajar terhadapnya? Adakah wajar kita meletakkan tanggungjawab ini kepada kementerian di atas kerana gagal melaksanakan tanggungjawabnya?

Masyarakat harus sedar bahawa peristiwa di atas adalah kegagalan kita semua. Setiap seorang yang masih waras, mampu



MANGSA KEKEJAMAN: Bayi tidak berdosa dibuang akibat ibu jahil ilmu dan penghayatan agama.

## REAKSI

“ Kerajaan harus memastikan universiti awam mempunyai dana untuk menawarkan ijazah di dalam bidang kaunseling dan psikiatri kerana kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai akses kepada kaunselor dan pakar psikiatri”

Dr P Sundramoorthy  
Pakar

“ Ibu bapa mempunyai tanggungjawab untuk memastikan keperluan keluarga dan sendiri dipenuhi. Apabila keperluan ini tidak dapat dipenuhi, mereka berasakan bahawa dunia mereka berakhir dan membunuh diri adalah jalan keluar bagi mereka”

Dr Alvin Ng  
Pakar psikologi HUKM